

**NO.SOALAN : 501**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**YANG KETIGA BELAS PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN  
ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rancangan kerajaan untuk menyediakan kemudahan serta peluang latihan teknikal yang berkaitan kepada golongan tentera yang berminat sebagai suatu persediaan untuk mereka menghadapi hari persaraan dari perkhidmatan tentera dan menjadi orang awam memandangkan umur persaraan pilihan paling awal anggota tentera adalah pada usia 40 tahun bagi pangkat leftenant dan leftenant muda dan 50 tahun bagi lain-lain pangkat.

## **JAWAPAN :**

Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana dan mengurus latihan kepada anggota ATM akan bersara dan Veteran ATM. Latihan yang ditawarkan adalah berbentuk kemahiran dan keusahawanan dalam pelbagai bidang utama seperti Kejuruteraan Automotif, Binaan dan Kejuruteraan, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Media dan ICT, Pelancongan dan Perhotelan, Penyediaan Makanan dan Sajian serta Pengajian Pengurusan. Latihan yang disediakan ini adalah terbuka kepada semua anggota dan veteran ATM tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Perkhidmatan ATM.

Sehingga kini PERHEBAT telah menawarkan 60 jenis kursus teknikal dan bukan teknikal yang mendapat pengiktirafan badan-badan pentauliahannya seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Suruhanjaya Tenaga, Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak industri.